

Tun M: Bajet 2022 masih boleh dikurangkan

Oleh **ASLINDA NASIR**

Aslinda.nasir@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Bajet 2022 perlu disemak semula kerana ia menelan peruntukan yang terbesar dalam sejarah negara.

Menjelaskan perkara itu, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, peruntukan tersebut boleh dikurangkan supaya hutang negara pada masa depan dapat diringkaskan.

“Saya sedar wang yang banyak diperlukan bagi mengatasi krisis yang dihadapi oleh negara tetapi pada masa yang sama, kerajaan perlu berhati-hati supaya perbelanjaan kerajaan dikurangkan dan beban hutang tidak dihempas ke atas belakang generasi akan datang,” katanya ketika membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan 2022 di Dewan Rakyat semalam.

Jelas beliau, pengurangan itu boleh dibuat dalam bidang telekomunikasi, pertanian dan pendidikan.

Memberi contoh dalam sektor telekomunikasi diswastakan, ahli Parlimen Langkawi itu berkata, teknologi terkini yang diambil kerajaan akan menelan berbilion ringgit untuk dibekal

**SIDANG
DEWAN
RAKYAT**



kepada pelanggan.

“Apa perlunya kerajaan terlibat dalam khidmat ini. Tentulah lebih baik diserahkan kepada syarikat telekomunikasi yang sekian lama membekalkan sistem komunikasi dalam negara,” katanya.

Sementara itu dalam sesi yang sama, Ahli Parlimen Semporna, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal menyifatkan Bajet 2022 hanya untuk ‘membeli jiwa’ rakyat dan tiada usaha untuk merancakkan ekonomi.

“Sebagai contoh, belanja mengurus untuk Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran, sepatutnya peruntukan semakin rendah dari tahun sebelumnya kerana aktiviti pelajaran tidak berjalan.

“Begitu juga dengan perbelanjaan pembangunan memandangkan aktiviti ekonomi tidak berjalan seperti kebiasaannya,” katanya.

Berikutan itu tegasnya, kera-

“

Apa perlunya kerajaan terlibat dalam khidmat ini. Tentulah lebih baik diserahkan kepada syarikat telekomunikasi yang sekian lama membekalkan sistem komunikasi dalam negara.”

DR. MAHATHIR MOHAMAD



jaan perlu menjelaskan jumlah penjimatan yang telah dilakukan pada 2020 dan 2021 memandangkan ekonomi negara dan kebanyakan sektor sosial tidak dibuka sepenuhnya.

“Bukan itu saja, tahun 2020 juga kerajaan telah mengumumkan belanjawan negara sebanyak RM314.8 bilion dan Jumaat lalu, jumlah belanjawan adalah RM322.5 bilion dan merupakan yang tertinggi dalam sejarah negara.

“Mengikut perkiraan, sepanjang 23 bulan pandemik bermula, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1.22 trilion wang rakyat untuk berhadapan dengan wabak Covid-19 dan mengharungi kemelesetan ekonomi.

“Ini merupakan belanjawan dan pakej stimulus yang sangat besar bagi tempoh tidak sampai dua tahun dan sudah tentu dengan jumlah sebesar ini rakyat mengharapkan pulangan yang lebih baik,” ujarnya.

UM - 3/11/2021 mls: 8